



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	17/12/2019	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

200 terperangkap atas jalan raya

Laluan Kota Tinggi - Mersing dilanda banjir menyebabkan kenderaan terkandas

KOTA TINGGI

Kira-kira 200 pengguna jalan raya yang menggunakan laluan Jalan Kota Tinggi- Mersing terperangkap sejak 24 jam lalu berikutan jalan berkenaan dilanda banjir.

Difahamkan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) telah membuka pos kawalan hadapan sejak jam 12 tengah hari semalam.

Operasi menghantar bantuan makanan dan menyelamatkan mangsa yang terperangkap telah digerakkan jam 7 petang kelmarin.



Keadaan mangsa terperangkap di laluan Kota Tinggi-Mersing yang berjaya diselamatkan tengah hari semalam.

Setakat jam 4 petang semalam, seramai 84 orang telah diselamatkan dan ditempatkan di Kolej Yayasan Pelajaran Johor (YPI)

Kota Tinggi.

Laluan utama Kota Tinggi-Mersing dinaiki air banjir menyebabkan terdapat kawasan menjadi se-

perti pulau.

Usaha masih dilakukan bagi menyelamatkan semua pengguna jalan raya yang terkandas.